

# Tarif air bukan domestik di Selangor naik 20 sen

**SHAH ALAM** - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) membuat pelarasan tarif bekalan air bagi kategori bukan domestik dan kategori khas membabitkan Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya bermula 1 Ogos ini.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim berkata, pelarasan tarif air itu melibatkan kenaikan purata sebanyak 20 sen bagi setiap meter padu.

Menurut beliau, Air Selangor sudah meneliti keputusan pelarasan itu dan beberapa perkara juga sudah diputuskan setelah mengambil kira kos tinggi yang terpaksa ditanggung syarikat berkenaan.

Kata beliau, kadar tarif air di Selangor tidak pernah disemak sejak 16 tahun lalu, namun ada kajian mengenai pelarasan kenaikan tarif air dua tahun lalu.

"Kadar tarif ini dikaji, tetapi tertanggung beberapa kali, namun kadar tarif baru ini setelah dipersetujui dan perlu dilaksanakan pada Ogos ini," katanya dalam sidang akhbar

di Bangunan Annex Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada Jumaat.

Sementara itu, ketika menjawab pertanyaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Subang Jaya, Michelle Ng Mei Sze mengenai kemajuan projek LRA Langat 2, Izham memberitahu, projek Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 dan Sistem Agihan yang dilaksanakan kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) mengalami kelewatan sehingga Mei lalu,



**IZHAM**

Menurut beliau, kemajuan keseluruhan projek itu berada pada tahap 90.32 peratus berbanding jadual sebenar kemajuan kerja pada tahap 92.58 peratus.

"Berdasarkan maklumat PAAB, kemajuan projek ini mengalami kelewatan sebanyak 2.26 peratus berbanding jadual sebenar kemajuan projek berkenaan," katanya.

Izham berkata, LRA Langat 2 mempunyai kapasiti reka bentuk pengeluaran air terawat sebanyak 1,130 juta liter sehari (JLH) telah pun siap dan diaktifkan bermula pada Disember 2019.